

| | | | |
|-------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Sekat ideologi Daesh melalui kaedah ilmiah | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 10 Sep 2016 | Language | Malay |
| Circulation | 125,514 | Readership | 947,000 |
| Section | Nasional | Color | Full Color |
| Page No | 10 | ArticleSize | 524 cm ² |
| AdValue | RM 17,994 | PR Value | RM 53,982 |



Sekat ideologi Daesh melalui kaedah ilmiah

DARI KACA MATA

➔ **Dr Wasitah Mohd Yusof**
Ketua Pegawai Eksekutif Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)



Isu radikalisme semakin menarik perhatian dan turut memberi ancaman keselamatan negara pada peringkat global. Malaysia juga tidak terkecuali daripada ancaman itu hasil daripada pengaruh pergolakan politik yang semakin tidak terkawal di negara Asia Barat.

Pengaruh The Islamic State of Iraq and Syria (ISIS) - kini dipanggil Daesh, yang dilabelkan sebagai kumpulan pengganas bertindak memanipulasikan ayat al-Quran dan hadis bagi mempengaruhi umat Islam di seluruh dunia, juga menular ke Malaysia dan menjadi ancaman kepada belia kita yang turut terdedah dan boleh mempengaruhi golongan belia menyertai perjuangan mereka di Syria dan Iraq.

Masyarakat kita juga turut didedahkan oleh media massa tempatan berkaitan isu yang membimbangkan kerajaan dengan pembabitian belia dalam Daesh. Pengebom bunuh diri di Syria adalah belia yang berumur 27 tahun. Dalam serangan itu, 25 tentera Bashar al-Assad terkorban apabila dia memandu trak yang penuh dengan bahan letupan melanggar kumpulan tentera Syria di bandar Homs.

Sehubungan dengan itu, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) juga terpanggil membantu pihak kerajaan menyedarkan generasi muda bagi menolak fahaman ek-

trem Daesh bertentangan dengan ajaran Islam sebenar dan perlembagaan Malaysia.

Ita juga di samping meningkatkan usaha untuk menjelaskan konsep jihad yang sebenar serta memperbetulkan persepsi Barat yang kerap mengaitkan Islam dengan keganasan. Ternyata kita didedahkan bahawa Daesh mendapat sokongan dan simpati ke atas perjuangan mereka daripada golongan belia yang melayari media sosial. Malah, Daesh berjaya merekrut ahli baharu dan sumber kewangan juga daripada warga media sosial yang bersimpati dengan perjuangan Daesh.

Tak faham mengenai Daesh

Berdasarkan dapatan Kajian Pengaruh The Islamic State of Iraq and Syria (ISIS): Kajian Potensi Penerimaan dan Penolakan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Semenanjung oleh IYRES dengan kerjasama Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 2015, secara

umum mendapati majoriti pelajar IPT belum memahami secara mendalam mengenai Daesh.

Malah, ketidakfahaman ini boleh menjadi potensi kepada pelajar untuk menerima ideologi Daesh. Tahap kefahaman dimiliki disebabkan pelajar hanya menerima maklumat secara umum daripada media massa, media sosial dan perbualan rakan.

Malah, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Anti-Pengganas, Cawangan Khas Bukit Aman, Datuk Ayub Khan Mydin Pitchay, menjelaskan Daesh menguasai media sosial bagi menarik minat masyarakat dan menyebarkan pengaruh mereka dengan membuat heboh terhadap beberapa perkara.

| | | | |
|-------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Sekat ideologi Daesh melalui kaedah ilmiah | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 10 Sep 2016 | Language | Malay |
| Circulation | 125,514 | Readership | 947,000 |
| Section | Nasional | Color | Full Color |
| Page No | 10 | ArticleSize | 524 cm ² |
| AdValue | RM 17,994 | PR Value | RM 53,982 |
| | | | |

Kita perlu mengekang penyebaran kefahaman ini daripada terus berakar umbi. Sehingga Januari 2016, Polis Diraja Malaysia telah membuat tangkapan 129 orang warganegara Malaysia daripada 150 orang yang berjaya ditangkap.

Hasil dapatan menerusi kajian ini juga menunjukkan 19.5 peratus daripada 687 responden dalam kalangan mahasiswa, menghormati fahaman politik Daesh. Malah 9.3 peratus golongan ini yang menyertai Daesh, percaya bahawa mereka boleh mendapat balasan syurga.

Sebanyak 19.5 peratus belia pula bersedia menyumbang wang ringgit untuk perjuangan Daesh. Walaupun angka itu kita lihat kecil pada masa kini, tidak mustahil ia akan berkembang dan memberi impak negatif terhadap pembangunan belia di Malaysia serta memberi ancaman serius kepada negara.

Dapatan kajian ini merumuskan mengenai kedudukan tahap ilmu dan pemahaman generasi muda yang amat cetek disebabkan dangkalnya pengetahuan dan ketiadaan panduan dalam menangani cabaran yang melanda. Pada asasnya, faktor pengetahuan

dan pegangan agama dalam kalangan belia kita kini menjadi benteng untuk menolak Daesh.

Malah, dapatan kajian juga memberi petunjuk bahawa semakin tinggi pengetahuan aga-

ma atau semakin mendalam rasa ingin tahu yang dikaitkan dengan pertambahan pengetahuan mengenai Daesh, semakin kurang kecenderungan menyokong Daesh. Justeru, ia juga akan menjadi benteng kepada pengaruh rakan yang berperanan sebagai pendorong utama mereka untuk menerima Daesh.

Perlu ada panduan


Berkemungkinan negara kita Malaysia memerlukan panduan yang berkait rapat dengan ciri tingkah laku yang dapat menjadi kayu pengukur untuk membangunkan aktiviti lebih bermakna bagi kelompok belia yang berkecenderungan terbabit bagi menjauhi kegiatan bercorak keganasan yang boleh mengancam keselamatan diri, keluarga, bangsa dan negara.


Penggemblengan usaha dalam kalangan kerajaan dan pihak berkuasa juga perlu bagi memantau aktiviti Daesh yang wu-


jud dalam kawasan IPT dan ia seharusnya disekat. Program bermatlamatkan perkongsian maklumat dan penerangan kepada belia harus ditingkatkan.


Pelbagai pihak dalam negara harus berdepan ideologi Daesh yang boleh mengganggu gugat keharmonian masyarakat. Daesh dilihat menganuti fahaman atau ideologi Jihadi Salafi atau Salafisme. Fahaman ini harus dibantaras melalui kaedah ilmiah kerana mereka berhujah akan keperluan menyertai jihad bersama Daesh melalui manipulasi ke atas al-Quran dan hadis.

Kekentalan pegangan agama perlu ditanam dalam diri belia sebelum minda kita dijajah oleh anasir ini. Akhir sekali, perlu diingatkan bahawa kawalan penggunaan media sosial juga harus dilakukan dalam kalangan belia di Malaysia.

 Peningkatan harga rumah setiap tahun adalah antara sebab utama kegagalan membeli kediaman. Ikuti penjelasan dan huraian Pensyarah di Pusat Pengajian Harta Tanah Universiti Teknologi MARA (UiTM) **Dr Mona Isa** mengenai cabaran membeli rumah, esok.

 Ternyata kita didedahkan bahawa Daesh mendapat sokongan dan simpati ke atas perjuangan mereka daripada golongan belia yang melayari media sosial”

 Majoriti pelajar IPT belum memahami secara mendalam mengenai Daesh. Malah ketidaktahuan ini boleh menjadi potensi kepada pelajar untuk menerima ideologi Daesh”

 Pada asasnya, faktor pengetahuan dan pegangan agama dalam kalangan belia kita kini menjadi benteng untuk mereka menolak Daesh”